

Tokoh dan Institusi Pendidikan Islam di Pulau Pinang



Shohana Hussin

Pengenalan

Kedudukan Pulau Pinang sebagai pusat perdagangan yang penting sejak abad ke-18 turut membuka laluan kepada perkembangan dalam aspek sosial di negeri itu. Masyarakat pelbagai kaum hadir dengan amalan sosiobudaya masing-masing dan berlumba-lumba mencari “ruang” untuk menempatkan diri dalam kumpulan yang lebih besar. Masyarakat Melayu tidak terkecuali dalam persaingan ini. Namun, agak menarik, tanpa kehadiran sultan sebagai kuasa tertinggi agama sebagaimana negeri-negeri Melayu lain, masyarakat Melayu di negeri itu mempunyai banyak ruang untuk membentuk acuan dan identiti mereka yang tersendiri, termasuk dalam hal-hal pendidikan.

Sejarah Pendidikan Awal Islam di Pulau Pinang

Lazimnya, sejarah pendidikan formal sesebuah masyarakat hanya akan dicatatkan apabila sesebuah institusi rasmi pendidikan, seperti sekolah atau madrasah ditubuhkan. Namun, dalam konteks sejarah tamadun masyarakat Melayu, pendidikan separa formal sebenarnya telah pun lama bermula apabila mereka mendirikan surau atau masjid bagi memenuhi tuntutan ibadah dan pengajaran ilmu agama. Bermula daripada institusi keagamaan inilah pengajian pondok dibangunkan dan berkembang kepada bentuk madrasah dan sekolah yang boleh dilihat pada hari ini. Meskipun pengajian yang dijalankan pada peringkat awal ini lebih bersifat keagamaan dan tradisional, sistem pendidikan yang berpusatkan masjid sebenarnya telah menyumbang ke arah kemajuan masyarakat Islam di Pulau

Pinang dalam banyak bidang. Kajian sejarah pendidikan Islam di Semenanjung Tanah Melayu turut menggalurkan bahawa perkembangan pendidikan Islam di negara ini secara umumnya bermula dari rumah imam, kemudian berkembang menjadi pondok, selepas itu menjadi madrasah dan akhirnya menjadi sekolah-sekolah agama (Zawawi, 1984; Haron & Sobri, 1988).



Foto 1 Kawasan perkuburan bersebelahan Masjid Jamek Batu Uban

Di Pulau Pinang, lokasi pendidikan Islam separa formal yang paling awal ditemui setakat ini adalah di Batu Uban. Hal ini kerana di kawasan inilah petempatan masyarakat Melayu yang paling awal diwujudkan, iaitu sekitar 1730-an, lama sebelum kehadiran Francis Light pada 1786. Bukti petempatan ini adalah sebuah surau yang dibina pada 1734 (Zulkifli & Badrol Hisham, 1994: 8), yang kemudiannya dinaiktarafkan menjadi masjid jamik, iaitu masjid yang diiktiraf berupaya menghimpunkan bilangan jemaah yang mencukupi bagi menunaikan solat Jumaat. Perkembangan status rumah peribadatan yang sekali gus berperanan sebagai institusi pendidikan, iaitu daripada sebuah surau kepada masjid jamik juga memberi petunjuk akan perkembangan dan penambahan penduduk Islam di kawasan tersebut. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan catatan tarikh pada batu-batu nisan yang terdapat di perkarangan masjid tersebut. Antaranya ialah kubur pengasas pembinaan Masjid Batu Uban itu sendiri, yang turut disemadikan bersebelahan masjid tersebut.

Tokoh yang dikaitkan dengan pembinaan masjid ini ialah Raja Nan Intan Ibn Almarhum Tengku Pateh Sebatang, seorang bangsawan dan juga pedagang yang mempunyai pengetahuan agama yang mendalam. Beliau dipercayai berasal dari Kampung Buadi, Paya Kumboh, Sumatera dan mempunyai hubungan darah dengan

kerabat diraja Minangkabau (Mahani, 2008: 29). Sebagai pedagang yang berjaya, beliau diberi jolokan “Nakhoda Intan” dan sebagai seorang yang alim dalam bidang agama, beliau lebih dikenali sebagai Haji Mohammad Salleh. Kealiman dan ketokohan Nakhoda Intan menjadi daya penarik kepada penghijrahan masuk lebih ramai kaum keluarga dari Pagaruyung dan berlabuhnya kapal-kapal yang memuatkan orang-orang Arab sama ada yang datang sebagai pedagang mahupun untuk menyebarkan ilmu keagamaan. Hasilnya berlakulah persemendaan, malah di Batu Ubanlah bermulanya pengasasan masyarakat Peranakan Arab ekoran perkahwinan antara orang Melayu Sumatera dengan orang Arab. Seorang daripada menantu Nakhoda Nan Intan misalnya, seorang berbangsa Arab yang alim bernama Syeikh Ahmad al-Makawi. Makawi telah meneruskan usaha bapa mertuanya meneruskan pengajaran agama kepada masyarakat setempat.




Foto 2 Batu nisan cucu Nakhoda Intan, iaitu Syeikh Muhamad Salleh bin Syeikh Ahmad al-Makawi (meninggal dunia pada 1334 H/1916 M)

Menurut sumber lisan yang disampaikan oleh Siti Kalsom (berusia lebih 70 tahun) yang merupakan generasi kelima kepada Nakhoda Intan, nenek moyangnya pernah bercerita tentang kemeriahan Batu Uban sebagai pusat tumpuan keagamaan. Penduduk kampung di Batu Uban sentiasa bergotong-royong dalam melaksanakan majlis keagamaan termasuk mengadakan kenduri selepas selesai sesuatu majlis (Siti Kalsom, temu bual, 22 Mac 2012). Hal ini menunjukkan bahawa Nakhoda Intan merupakan seorang alim yang berpengaruh dan juga peniaga yang kaya. Sebagai pengasas perkampungan Batu Uban, beliau terlibat secara langsung dalam aktiviti pembangunan dan pendidikan agama bagi masyarakat Melayu di Batu Uban sejak awal pembukaannya. Nama Nakhoda Intan turut disebut dalam surat penghargaan ketua-ketua Melayu Pulau Pinang

yang diserahkan kepada Gabenor George Leith pada 1804 (Mahani, 2005: 26). Hal ini menjadi petunjuk yang kukuh bahawa Nakhoda Intan telah pun dianggap oleh masyarakat setempat termasuk Seberang Perai dan Kedah sebagai pemimpin masyarakat Islam dan guru agama yang sangat disegani ketika itu.




Foto 3 Papan tanda Masjid Jamek Batu Uban



Foto 4 Masjid Jamek Batu Uban hari ini

Selain Batu Uban, mengikut rekod kerajaan dan catatan lisan, beberapa petempatan masyarakat Islam di Taman Brown, Gelugor, Bukit Gambir, Sungai Kluang dan Datok Keramat juga telah dibuka oleh tokoh-tokoh agama yang mempunyai latar belakang yang hampir sama. Datok Keramat misalnya, meneroka petempatan di kawasan Datok Keramat, Haji Bayan di Kampung Keramat dan Haji

Mohamad Salleh atau juga dikenali sebagai Haji Brunei di Bayan Lepas. Malah, peluasan kawasan petempatan Melayu yang diusahakan oleh Nakhoda Kechil (adik Nakhoda Intan) di bahagian Tanjung, lama sebelum kedatangan Francis Light, semakin mengukuhkan peri pentingnya peranan golongan peneroka ini dalam pengasasan petempatan masyarakat Islam di Pulau Pinang.

Oleh hal yang demikian, peranan tokoh-tokoh awal pemimpin agama dalam kalangan masyarakat Melayu dalam sejarah penerokaan di Pulau Pinang bukanlah sesuatu yang kecil. Usaha giat tokoh-tokoh ini membangunkan kawasan di Pulau Pinang yang strategik telah sedikit sebanyak menjadi satu daripada daya penarik kepada pedagang Arab dan India Muslim untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai tempat persinggahan dan petempatan kekal mereka. Dalam konteks hubungan keagamaan, imam-imam yang terdiri daripada orang Arab, seperti al-Khayyat dan al-Baghdadi, telah mula dijemput sejak awal penubuhan Masjid Jamek Batu Uban lagi (Omar Farouk, 1978: 3). Menariknya, tradisi yang memandang tinggi kepada golongan agama ini berterusan apabila George Town mula mengambil alih peranan Batu Uban sebagai pelabuhan utama dan pusat tumpuan petempatan dan keagamaan. Masjid Melayu Lebuh Aceh yang dibina pada 1808 misalnya, melantik Syed Abdul Rahman al-Habshee daripada kelompok Arab Peranakan sebagai imam yang pertama.



Foto 5 Firma Zakaria Basheer, Lebuh Aceh pada 27 Mei 1923

Sumber: Arkib Negara Malaysia

Malah golongan Arab Peranakan ini, walaupun kecil bilangannya di negeri itu, sentiasa mendapat peluang dalam pelbagai aspek kehidupan dan bukan semata-mata dalam hal keagamaan. Contoh terbaik ialah Sheikh Omar Basheer dan anaknya Sheikh Zakaria Basheer (Mahani, 1996: 8–15). Kedua-dua mereka merupakan ulama Melayu berketurunan Arab Hadramaut yang terlibat dalam kegiatan dakwah, pernah menjadi imam di Masjid Melayu Lebuh Aceh malah, sebagaimana yang dibincangkan dalam bab kedua, Sheikh Zakaria (juga dieja Zachariah) pernah menjadi mufti pada awal abad ke-20. Mereka terlibat secara langsung dalam pendidikan Islam separa formal di masjid-masjid dan seterusnya pendidikan secara formal sebagaimana usaha Sheikh Zakaria dan rakan-rakan peniagaanya mengasaskan sekolah al-Quran (Madrasatul al-Quran) di Lebuh Aceh pada 1916.

Institusi Pendidikan Islam di Pulau Pinang

Institusi pendidikan tradisional Islam berkembang daripada asas-asas yang dibentuk oleh ulama yang mula bertapak di Pulau Pinang. Pendidikan asas Islam digerakkan oleh guru agama melalui pengajian al-Quran dan ilmu fardu ain yang dijalankan melalui inisiatif secara persendirian di rumah guru atau imam, yang kemudian berpindah ke surau dan masjid. Sekiranya tempat ibadat masyarakat Islam yang pertama bertapak di Batu Uban dalam bentuk surau sekitar 1700–1734 itu telah diyakini, maka bolehlah dibuat satu kesimpulan bahawa surau yang kemudiannya berkembang menjadi sebuah masjid itu merupakan institusi pendidikan tradisional tidak formal yang pertama wujud di Pulau Pinang. Perkembangan seperti ini juga dipercayai berlaku di kawasan Datok Keramat, Gelugor dan Bayan Lepas.

Kelangsungan bentuk pendidikan Islam ini boleh dibandingkan dengan bentuk pendidikan Islam yang muncul pada awal abad ke-20, berikutan penubuhan Madrasatul al-Quran pada 1916 di Lebuh Aceh. Madrasatul al-Quran memberi tumpuan kepada pengajaran al-Quran kepada golongan kanak-kanak yang tinggal di kawasan tersebut. Guru pertama yang berkhidmat di situ ialah Syed Abdul Rahman al-Habshee, imam di Masjid Melayu Lebuh Aceh ketika itu.

Pengajian al-Quran sebagai asas pendidikan adalah satu kurikulum yang kekal dipertahankan meskipun sekolah vernakular Melayu telah mula diperkenalkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai sejak 1820-an. Malah sebagai nazir pertama sekolah-sekolah Melayu di Seberang Perai, A.M. Skinner terpaksa membuka sekolah-sekolah Melayu berasaskan pengajian al-Quran bagi menarik minat dan kepercayaan masyarakat Melayu untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Kelas bagi pelajaran moden telah dimasukkan bersama dengan kelas pengajian al-Quran bagi mengelakkan prejudis masyarakat Melayu. Hasilnya,



Foto 6 Syed Abdul Rahman al-Habshee, imam pertama Masjid Melayu Lebuh Acheh

Sumber: Arkib Negara Malaysia

pada 1874 jumlah pelajar di tujuh buah sekolah Melayu telah meningkat kepada 237, berbanding hanya sebuah sekolah dengan 25 pelajar pada tahun sebelumnya (Straits Settlements Annual Report on Education for 1874: 43). Sekolah Melayu Gelugor yang didirikan pada 1821 menjadi bukti bahawa sistem pendidikan Melayu di Pulau Pinang merupakan yang tertua usianya berbanding negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Di samping faktor penduduknya yang paling ramai, Negeri-negeri Selat ini juga mempunyai sekolah Melayu paling banyak dan sambutan terhadap pelajaran moden umumnya lebih baik daripada negeri lain (Mujeini, 1982: 49).

Namun, perubahan sukatan pelajaran yang dilaksanakan melalui cadangan A.M. Skinner yang terkandung dalam *Legislative Council Proceeding* tahun 1873 yang meletakkan pengajaran al-Quran di luar sukatan rasmi sekolah telah mengakibatkan wujud dua bentuk sistem pendidikan yang berkembang secara berasingan. Pertama, sistem pendidikan sekular Inggeris dan kedua, sistem pendidikan tradisional Islam. Kesannya, kedua-dua sistem ini tidak mempunyai ruang perkongsian wacana, kerjasama dan perpaduan dalam membentuk jati diri sebenar anak Melayu tempatan (Syed Muhammad Dawilah, 2005: 115).

Hasil penelitian terhadap pendidikan awal masyarakat Islam di Pulau Pinang memperlihatkan sifatnya yang tidak hanya berfokus kepada sesuatu etnik tertentu sahaja. Masyarakat Islam Pulau Pinang boleh dianggap sebagai masyarakat yang agak kompleks dan terbahagi kepada pelbagai bangsa dan budaya. Selain Melayu, masyarakat Islam Pulau Pinang terdiri daripada India, Arab, Peranakan India (yang dikenali juga dengan nama Jawi Pekan atau Jawi Peranakan) dan sejumlah kecil yang terdiri daripada Arab Peranakan.

Setiap kumpulan Muslim ini hidup dalam kelompok masing-masing mengikut kaum dan tempat tertentu. Contohnya, orang Arab dan Arab Peranakan menetap di kawasan Lebuh Acheh dan Lebu Melaka di pusat bandar. Sementara itu, Batu Uban menjadi petempatan bagi orang Melayu dari Indonesia, manakala orang India Muslim pula memilih kawasan yang berdekatan dengan pelabuhan dan bandar George Town, misalnya di Lebu Chulia, Lebu King, Jalan Kedah dan Jalan Hatin. Orang Melayu tempatan pula lebih gemar tinggal di kawasan luar bandar seperti Balik Pulau, Batu Maung dan Bayan Lepas. Walaupun terpisah daripada segi lokasi, namun keperluan ekonomi dan kemasyarakatan termasuk hal-hal keagamaan menyebabkan hubungan masyarakat Islam bandar dan luar bandar terus berlangsung.

Pada peringkat awalnya, setiap guru agama akan mula mengajar al-Quran di kediaman mereka sendiri dan menjadikan masjid sebagai tempat pengajaran fardu ain. Apabila bilangan pelajar mereka bertambah dan pelajar yang datang dari jauh mula tertarik untuk berguru, maka terbinalah pondok-pondok kediaman pelajar berhampiran dengan rumah guru atau masjid. Daripada perkembangan sebeginilah mula terbina sesebuah pondok. Meskipun perkembangan ini tidak jelas berlaku di bahagian pulau, ia sangat ketara di wilayah Seberang Perai.

Pertumbuhan institusi pondok di Seberang Perai dikatakan bermula sejak 1875 melalui usaha Syeikh Jalaluddin bin Muhammad Yusya' al-Kelantani, yang mengasaskan Pondok Penanti dan Syeikh Zainal Abidin al-Fatani yang membuka pondok di Sungai Dua. Usaha ini dikembangkan pula oleh tiga orang anak Syeikh Jalaluddin, iaitu Haji Zakaria yang memimpin Pondok Sungai Dua, Haji Muhammad Saleh yang mengasaskan pondok di Kampung Setol dan Haji Abdullah yang membuka pondok di Permatang Buluh (Wan Mohd Shaghir, 2000: 35). Sumbangan tokoh-tokoh pendidik daripada keluarga Syeikh Jalaluddin amat penting, terutamanya kepada perkembangan pendidikan awal masyarakat Melayu Islam. Penubuhan pondok-pondok pengajian ini secara tidak langsung mendorong kepada peluasan petempatan baharu bagi masyarakat Melayu dan kewujudan sekolah-sekolah agama rakyat berbentuk madrasah dan juga sekolah kebangsaan agama yang ditadbir selia oleh kerajaan.

Terdapat lima buah institusi pendidikan Islam yang dikatakan paling awal muncul di Pulau Pinang, iaitu Pondok Manabi al-'Ulum di Penanti, Pondok Irshad al-Ashraf al-Wataniyah di Sungai Bakap, Madrasah Da'iratul al-Ma'arif al-Wathaniyah di Kepala Batas, Madrasah al-Masriyah di Bukit Mertajam dan Madrasah al-Mashoor di Pulau Pinang (Mohd Farid & Jasni, 2012: 177). Jumlah ini kemudian bertambah dan berkembang mengikut peredaran masa sehingga mencecah kepada 25 buah institusi pendidikan berbentuk madrasah dan sekolah agama bagi seluruh Pulau Pinang kini (Aminah, 2005).

Menyedari peri pentingnya sumbangan institusi pendidikan pondok terhadap perkembangan intelektual, ekonomi dan sosial masyarakat Melayu Pulau Pinang, beberapa tokoh ulama terawal yang besar sumbangannya dalam bidang ini perlu diberi pengiktirafan. Antaranya ialah Syeikh Zainal Abidin al-Fatani (1820–1910), Syeikh Husein Kedah al-Banjari (1863–1936), Syed Syeikh al-Hadi (1867–1934), Syeikh Muhamad Tahir (1869–1965), Syeikh Abdullah Fahim (1870–1961) dan Mohammad Salleh al-Masri (1875–1971).

Pendidikan awal ini boleh dikategorikan kepada tiga bentuk atau model yang berbeza. Pertama, ulama Melayu terawal seperti Syeikh Zainal Abidin al-Fatani (1820–1910) dan Syeikh Hussein Kedah al-Banjari (1863–1936) telah memperlihatkan kecenderungan mengadaptasi model pendidikan pondok tradisional yang diwarisi daripada sistem halaqah dan menadah kitab sebagaimana yang berlangsung di Mekah dan Madinah. Kedua, Syed Syeikh al-Hadi (1867–1934) dan Syeikh Muhamad Tahir Jalaluddin (1869–1965) yang mula mengintegrasikan pendidikan moden dengan pendidikan agama dalam sistem sekolah aliran Arab dan madrasah yang diperkenalkan oleh mereka di Pulau Pinang. Akhirnya Syeikh Abdullah Fahim (1870–1961) dan Haji Mohammad Salleh al-Masri (1875–1971) memperkenalkan satu sistem pendidikan yang mengadunkan pengajian Islam tradisional dan akademik dalam sistem persekolahan berbentuk madrasah yang masih digunakan sehinggalah hari ini.

Pengkategorian sistem atau model pendidikan ini adalah berlandaskan beberapa ciri lain yang boleh ditunjukkan. Pertama, bagi sistem pendidikan pondok tradisional, aliran ini sangat menekankan corak pengajian secara halaqah atau dikenali juga sebagai menadah kitab. Aktiviti pengajian ini menuntut pelajar pondok membawa kitab ke hadapan atau mengelilingi guru untuk disyarahkan. Manakala konsep pendidikannya pula menekankan empat konsep utama, iaitu *tarbiah* (mendidik), *taklim* (menuntut ilmu), *ta'dib* (membentuk peribadi) dan *tadris* (belajar) (Syed Muhammad Dawilah, 2005: 116). Ajaran agama yang disampaikan pula adalah bersumberkan kitab-kitab yang biasa disyarahkan oleh ulama-ulama Melayu di pusat pengajian terulung, iaitu Mekah dan Madinah (Haramayn). Kitab yang diguna pakai ialah kitab Jawi, iaitu kitab agama berbahasa Melayu yang ditulis dengan tulisan Jawi. Menurut Virginia Matheson,

kitab Jawi telah diguna secara meluas dalam sistem pengajian pondok di Alam Melayu pada abad ke-19, ekoran ramai ulama Melayu seperti Syeikh Daud al-Fatani dan Syeikh Abdul Samad al-Palembani yang aktif menulis kitab-kitab agama sekembalinya mereka ke tanah air (Matheson & Hooker, 1988: 8). Lanjutan daripada adaptasi yang begitu ketara antara sistem pengajian yang biasa diamalkan di Haramayn dengan bentuk pengajian yang dilaksanakan di Alam Melayu, hal ini memudahkan pelajar lepasan sistem pengajian pondok tradisional menyambung pengajian mereka di Timur Tengah, khususnya di Mekah dan Madinah, yang telah menjadi tempat pengajian terulung tradisi keilmuan Islam sejak abad ke-15 lagi.

Bagi bentuk kedua dan ketiga, iaitu aliran sekolah Arab dan madrasah pula tidak menampakkan perbezaan yang begitu ketara. Perbezaannya hanyalah pada isu bahasa dan penekanan mata pelajaran. Sekolah Arab seperti al-Mashoor sangat menekankan penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar, manakala sekolah daripada aliran madrasah seperti Madrasah al-Masriyah lebih cenderung mengekalkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, walaupun ia masih menjadikan bahasa Arab sebagai satu daripada mata pelajaran yang dititikberatkan. Kesan daripada kecenderungan yang hanya sedikit berbeza ini menyebabkan aliran sekolah Arab yang dibangunkan oleh masyarakat peranakan Arab seperti al-Mashoor akhirnya turut menerima pakai sistem pengajian madrasah seperti Madrasah al-Masriyah yang dianggap lebih sederhana dan dapat disesuaikan dengan aspirasi pendidikan majoriti masyarakat Melayu setempat. Keterbukaan sikap pengetua pertamanya, Syed Syeikh al-Hadi, dalam mendepani cabaran pendidikan semasa jelas apabila beliau pernah menyarankan supaya dibina "Anglo-Malay School" yang menggunakan bahasa Inggeris dan Melayu, di samping sekolah aliran Arab yang sedia ada pada akhir 1920-an (*Saudara*, 28 Disember 1929; 4 Januari 1930). Dengan itu, terdirilah dua bentuk institusi pendidikan Islam yang dominan di Pulau Pinang, iaitu institusi pengajian pondok dan institusi madrasah yang telah berkembang hingga ke hari ini dengan kekuatan pendidikan Islam yang tersendiri.

Sorotan Tokoh dan Institusi Pendidikan Islam Pulau Pinang

Bermula dari abad ke-18 sehingga abad ke-19, terdapat sekurang-kurangnya 10 buah pondok yang dibangunkan di Seberang Perai, iaitu Pondok Sungai Derhaka, Seberang Perai (1880); Pondok Bukit Indera Muda, Bukit Mertajam (1891); Pondok Permatang Janggus, Kepala Batas (1895); Pondok al-Masriyah, Bukit Mertajam (1906); Madrasah al-Ahmad al-Ijtimiah, Padang Lalang (1906); Pondok Kubang Semang, Seberang Prai Tengah (1920); Da'irat al-Ma'arif al-Wataniyah, Kepala Batas (1927); Pondok Penanti, Bukit Mertajam (1932); Pondok Pokok Sena, Kepala Batas (1933); dan Pondok di Sungai Bakap (1953) (Syed Muhammad Dawilah,

2005). Manakala bagi kawasan pulau, Madrasah al-Mashoor telah ditubuhkan di Tek Soon Street pada 1919.

Antara yang terkenal dan masih berlangsung sehingga kini ialah Madrasah al-Masriyah, Bukit Mertajam (1906) dan Madrasah al-Khairiah al-Islamiah, Pokok Sena, Kepala Batas (1933) bagi kawasan Seberang Perai dan Madrasah al-Mashoor (1919) yang terletak di sebelah pulau bagi Pulau Pinang. Madrasah al-Masriyah dan Madrasah al-Khairiah al-Islamiah menjadi fokus perbincangan ini kerana bukan sahaja ia masih bertahan dan kekal sebagai institusi pendidikan Islam bagi masyarakat Melayu Pulau Pinang, malah kedua-duanya masih mengekalkan beberapa ciri pendidikan pondok tradisional. Manakala Madrasah al-Mashoor pula dipilih kerana institusi ini bukan sahaja melahirkan bijak pandai agama, malah di sinilah segala bentuk pemikiran Islam moden berkembang yang kemudiannya melahirkan penggiat politik yang aktif dalam arena politik di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

Madrasah al-Masriyah

Madrasah al-Masriyah¹ merupakan antara institusi pendidikan Islam yang terawal dibangunkan di Seberang Perai. Madrasah ini diasaskan pada 17 Mac 1906 oleh seorang ulama terkenal, Haji Mohammad Salleh al-Masri (*Jubli Intan al-Masriyah 1906–1981*, 1982). Pada awalnya madrasah ini dikenali dengan nama Madrasah al-Masriyah Asy-Syubbaniyah.



Foto 7 Bangunan pertama Madrasah al-Masriyah, Bukit Mertajam

Sumber: Buku Cenderamata Majlis Ijtimak al-Madrasah al-Masriyah (1973)

Haji Mohammad Salleh al-Masri dilahirkan di Kampung Rasah, Seremban pada 1875, manakala kedua ibu bapanya, Baki bin Lundang dan Mariah binti Muhammad, berasal dari Tembusai, Sumatera Timur. Bapa beliau adalah seorang peniaga kecil yang sering berulang-alik antara Sumatera dengan Pulau Pinang. Beliau memulakan zaman persekolahan ketika berusia tujuh tahun di Sekolah Melayu Bukit Nenas, Negeri Sembilan dan kemudiannya melanjutkan pengajian menengah pada 1886 di Sekolah Agama Bersilam, Langkat, Sumatera. Kecenderungan beliau dalam pengajian agama mula diasah apabila beliau dihantar oleh bapanya berguru dengan seorang ulama berketurunan Arab yang masyhur, iaitu Syeikh Abdul Wahab di Bab al-Salam Sungai Rokan, Sumatera. Beliau akhirnya kembali ke Tanah Melayu pada 1893.



Foto 8 Tuan Guru Haji Mohammad Salleh al-Masri

Sumber: Buku Cenderamata Majlis Ijtimak al-Madrasah al-Masriyah (1973)

Haji Mohammad Salleh al-Masri menyambung pengajian selama tiga tahun dengan Haji Zainal Abidin al-Fatani atau lebih dikenali sebagai Tuan Guru Haji Minal di Madrasah Sungai Dua, Butterworth. Setelah itu beliau berguru pula dengan Tuan Guru Imam Haji Ahmad al-Fatani di Padang Lalang, Bukit Mertajam, Seberang Perai. Hasil dorongan daripada kedua-dua guru ini, beliau berjaya melanjutkan pengajian ke Universiti al-Azhar pada 1899. Beliau dikatakan antara anak Melayu yang pertama berjaya belajar di universiti terkemuka tersebut.

Sewaktu menuntut di Universiti al-Azhar, Haji Mohammad Salleh pernah berguru dengan Syeikh Muhammad Khatib yang merupakan pembawa aliran perjuangan reformis, Syeikh Muhamamad Abduh. Pengaruh idea-idea Islah yang berkembang di Mesir ketika itu turut mempengaruhi beberapa pembaharuan dalam bidang pendidikan yang dibawa pulang kemudiannya ke tanah air. Apabila ayah beliau meninggal dunia pada 1903, Haji Mohammad Salleh membuat keputusan untuk kembali ke tanah air kerana tiada lagi orang yang dapat menyara pengajiannya. Namun, seorang dermawan dari Bukit Mertajam, Haji Abbas Haji Othman telah membantu beliau menamatkan pengajiannya di universiti tersebut.

Apabila berjaya mendapat ijazah dalam bidang syariah pada 1905, Haji Mohammad Salleh al-Masri kembali ke tanah air dan memilih untuk menetap di Bukit Mertajam dan berkahwin dengan Hajah Sa'adiyah, iaitu anak Tuan Haji Abbas. Bermula daripada asas pengajaran agama di rumah, Haji Mohammad Salleh akhirnya mendirikan Madrasah al-Masriyah di atas sekeping tanah wakaf mertuanya, Tuan Haji Abbas.

Pada peringkat awal penubuhannya, madrasah ini terdiri daripada sebuah madrasah kecil dan beberapa buah pondok kediaman yang berada di sekitarnya. Terdapat lebih kurang 30 pelajar yang tinggal di pondok-pondok yang terletak berhampiran dengan surau yang menjadi induk kepada madrasah ini. Pada ketika ini, Tuan Guru Haji Mohammad Salleh al-Masri sendiri bertindak sebagai pentadbir dan tenaga pengajar madrasah ini yang ditubuhkan untuk menyampaikan pelajaran dan pengetahuan agama Islam dengan mencontohi sistem dan kurikulum yang diajarkan di Universiti al-Azhar, Mesir.

Sistem pengajian berasaskan sistem pondok yang menggunakan bahasa pengantar dwibahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Arab ini telah menarik minat ramai penuntut yang berasal dari Kedah, Perak, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang. Menurut rekod, bermula dari 1910 hingga 1912, prasarana madrasah ini terpaksa diperbesarkan bagi menampung jumlah pelajar yang datang dari negeri-negeri tersebut. Menjelang 1937, 500 buah pondok telah didirikan di sekeliling madrasah ini dengan penuntutnya menjangkau hampir 1000 orang. Selain orang tempatan, madrasah ini juga menerima penuntut dari luar negara seperti Kampuchea, Thailand, Indonesia dan Singapura. Menjelang 1941, bilangan pondok bertambah kepada 800 buah dengan bilangan penuntut melebihi 1000 orang pada peringkat awal penubuhannya (*Jubli Intan al-Masriyah 1906-1981*, 1982).

Namun, menjelang 1941 bilangan pelajar yang mendiami pondok-pondok ini mula menyusut akibat Perang Dunia Kedua dan pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, hal ini tidak mematahkan semangat Haji Mohammad Salleh al-Masri dan tenaga pengajar lain ketika itu seperti Shaik

Hassan al-Yamani, Haji Osman Muhammad, Haji Ahmad Fuad dan Mohd Idris Haji Arshad untuk berusaha mengekalkan sistem pengajian pondok tersebut. Aktiviti pendidikan secara formal terhenti seketika apabila Perang Dunia Kedua meletus. Semasa perang, madrasah ini menjadi tempat perlindungan penduduk tempatan daripada keganasan Jepun ketika perang tercetus di daerah Butterworth dan Seberang Perai (*Jubli Intan al-Masriyah 1906–1981*, 1982).

Setelah berakhirnya perang, operasi madrasah ini pulih seperti sediakala. Usaha dipergiatkan untuk mengumpul lebih banyak dana bagi memastikan madrasah ini terus bergerak. Pelbagai kesukaran terpaksa ditempuh untuk membangunkan kembali madrasah ini selepas berakhirnya pendudukan Jepun pada 1945. Selain usaha gigih Haji Mohammad Salleh al-Masri mengumpulkan dana melalui wakaf orang ramai, sumbangan peribadi daripada seorang hartawan Saudi bernama Shaik Ibrahim Shabatli telah berjaya menampung perbelanjaan pengurusan dan pendidikan pondok termasuk gaji para guru di madrasah tersebut. Malah, sebuah kebun getah di Kubang Ulu, Bukit Mertajam telah dibeli melalui dana yang terkumpul dan diwakafkan untuk kepentingan madrasah tersebut. Haji Mohammad Salleh al-Masri tidak bersendirian dalam usaha ini. Shaikh Hasan al-Yamani yang menyandang jawatan Mufti negeri Terengganu (1941–1945), yang dahulunya pernah bertugas sebagai guru di madrasah tersebut turut membantu. Shaikh Hasan al-Yamani telah berusaha mendapatkan wang untuk membeli sebuah kebun getah seluas 32 ekar daripada ceti Arumugam Pilai di kawasan Ara Kuda, Tasek Gelugor, bagi tujuan diwakafkan kepada madrasah tersebut (Ahmad Hassan, temu bual, 6 Jun 1990). Bentuk pembiayaan berasaskan wakaf yang diasaskan oleh Haji Mohammad Salleh al-Masri sebenarnya telah banyak menyelamatkan madrasah ini daripada bergantung kepada sumbangan kerajaan dan sekali gus dapat bergerak dengan bebas dengan kuasa autonominya tersendiri, terutama dalam merangka, merancang dan melaksanakan silibus pengajian mereka sendiri.

Apabila pendudukan Jepun berakhir pada 1945, Madrasah al-Masriyah turut melalui fasa perubahan. Pentadbiran madrasah, misalnya, telah diperkemaskan dan sistem pelajaran telah disusun semula. Pada ketika inilah Haji Mohammad Salleh al-Masri menyerahkan kuasa pentadbiran madrasah kepada dua orang menantunya, Shaikh Ahmad Saad al-Masri dan Haji Osman Muhammad, sementara beliau terus berperanan sebagai penasihat dan tenaga pengajar di madrasah tersebut.

Perubahan penting berlaku pada 1953, semasa madrasah tersebut berada di bawah pentadbiran mudir Haji Ahmad Fuad Hasan, menantu Haji Mohammad Salleh al-Masri. Pada tahun tersebut sistem pondok madrasah ini telah ditukar kepada sistem berbentuk sekolah. Seiring dengan itu, namanya juga telah ditukarkan secara rasmi kepada Madrasah al-Masriyah. Menjelang 1958, kelas

thanawi atau kelas menengah pula dibuka untuk memberi peluang kepada penuntut-penuntut yang ingin melanjutkan pengajian mereka ke pusat pengajian yang lebih tinggi, sama ada di dalam atau di luar negeri. Oleh itu, madrasah ini berupaya menyediakan dua peringkat pengajian, iaitu peringkat *ibtidai* (rendah) dan *thanawi* (menengah), dengan bahasa pengantar bahasa Melayu dan bahasa Arab. Pelajar yang berjaya pada peringkat menengah berpeluang menyambung pengajian mereka ke universiti di Timur Tengah. Kelebihan dan kemudahan ini telah menarik minat pelajar luar, terutama dari Thailand, Indonesia, Singapura, Brunei, Kemboja dan Laos, di samping pelajar tempatan yang datang dari seluruh pelosok Tanah Melayu.

Selain tarikan sistem pendidikan yang disesuaikan dengan keperluan pendidikan antarabangsa, madrasah ini juga pernah menjadi medium pengembangan beberapa idea Islah yang cuba diterapkan dalam budaya hidup tempatan. Penyisihan amalan yang tidak bersumberkan ajaran Islam dan penghapusan adat tempatan yang bertentangan dengan nilai Islam mula disebarikan secara meluas. Guru-guru dilatih untuk menyampaikan permasalahan khurafat dalam budaya dan adat resam Melayu. Kemunduran masyarakat Melayu cuba dipulihkan dengan memberi fokus kepada punca kelemahan masyarakat Melayu ketika itu, iaitu kejahilan ilmu agama. Idea-idea Islah ini telah berkembang dengan baik dalam kalangan masyarakat Melayu, khususnya bagi golongan penuntut dan tenaga pengajar di Pulau Pinang sejak penerbitan majalah *al-Imam* pada 1906. Sebagai majalah pembaharuan agama yang pertama di Semenanjung Tanah Melayu, *al-Imam* telah membincangkan soal kemunduran umat Islam. Matlamat utama penerbitan majalah yang didukung oleh golongan Islah ini ialah membangkitkan kesedaran dalam kalangan orang Melayu agar mencari kemajuan dengan menghantar anak-anak mereka menuntut ilmu pengetahuan (Othman Bakar, 1979: 62–64). Fahaman ini jugalah yang cuba diterapkan oleh Haji Mohamed Salleh al-Masri kepada pelajar-pelajarnya, dan diteruskan oleh tenaga pengajar di madrasah beliau kemudiannya.

Sebagai pemikir Melayu yang peka dengan perkembangan dan kepentingan pendidikan, kepimpinan madrasah ini yang diasuh oleh Haji Mohammad Salleh al-Masri cuba membangkitkan kesedaran masyarakat Melayu untuk maju melalui bidang pendidikan yang memenuhi tuntutan semasa. Agak menarik, kesan daripada kesedaran ini, sebuah cawangan kelas berbahasa Inggeris ditubuhkan oleh madrasah tersebut pada 1958 yang dikenali sebagai Masriyah English Secondary School. Penubuhan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajarnya untuk mengambil peperiksaan anjuran Kementerian Pelajaran seperti Lower Certificate of Education (Sijil Rendah Pelajaran) dan Malayan Certificate of Education (Sijil Pelajaran Malaya) yang mula diperkenalkan pada 1961. Perkembangan ini menampakkan bahawa madrasah ini berusaha untuk memberi pendidikan yang bersesuaian dengan keperluan dan kepentingan masyarakat

Islam semasa. Meskipun mendapat saingan yang hebat daripada sekolah bantuan penuh kerajaan yang lain, madrasah ini tetap bertahan sebagai sebuah sekolah agama rakyat yang memenuhi aspirasi pendidikan Islam bagi masyarakat setempat sehinggalah kini.

Bekas penuntut yang berjaya melalui sistem madrasah ini sangat berbangga dengan pengekalan kurikulum pendidikan agama Islam yang masih memelihara ciri tradisional pengajian Islam dalam bentuk asalnya. Pembahagian kurikulum mengikut pemecahan fiqah, syariah, tasawuf, hadis, tafsir dan al-Quran menggambarkan keprihatinan pihak pentadbir untuk meneruskan perjuangan memenuhi tuntutan pendidikan agama yang holistik.² Antara bekas penuntut yang berjaya dilahirkan daripada madrasah ini ialah Haji Ismail Hamzah yang pernah menyandang jawatan Mufti negeri Perak, yang kemudian turut terlibat secara aktif bersama bekas pelajar yang lain seperti Haji Abdul Samad Noh menentang gagasan Malayan Union pada 1946. Meskipun Haji Mohammad Salleh al-Masri tidak berminat melibatkan diri secara aktif dalam bidang politik, namun idea, nasihat dan pandangannya sentiasa menjadi rujukan kepada sesiapa yang mahu mendampingi beliau. Malah, pada 1920, Haji Mohammad Salleh al-Masri pernah menyatukan perbalahan antara dua puak orang Islam di Bukit Mertajam berkaitan penggunaan dua masjid yang berdekatan, iaitu Masjid Haji Saad dan Masjid Tengah.

Sebagai tokoh pendidikan yang bercita-cita tinggi untuk menyebarkan pendidikan sebagai medium membangunkan umat Islam, Haji Mohammad Salleh al-Masri sangat menggalakkan bekas pelajarnya untuk membuka pondok-pondok mereka sendiri di tempat asal mereka. Hasil galakan ini, Haji Ghazali Arshad telah membuka Pondok Batu 26 di Bagan Datoh, Haji Abdul Samad Noh menubuhkan Pondok Padang Rengas, Haji Shamsuddin mengasaskan Pondok Beranang, Haji Idris mendirikan Pondok Lenggong dan Haji Ahmad Fakhir memimpin pondok Sungai Dorani di Selangor. Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa satu sumbangan terbesar yang dijayakan melalui Madrasah Masriyah ini ialah memberi inspirasi kepada pembukaan pondok-pondok yang berangkaian dan saling berhubungan antara satu sama lain. Manakala sumbangan terbesar Haji Mohammad Salleh al-Masri pula ialah kejayaan meningkatkan kadar literasi anak-anak Melayu di Pulau Pinang.

Seiring dengan peredaran masa, prasarana madrasah ini telah bertambah. Pada 1961, kerajaan Persekutuan telah membantu membina dua buah bangunan tambahan kepada madrasah ini. Manakala pentadbiran madrasah pula telah diterajui Mohd Khalil bin Haji Din (menantu Haji Mohammad Salleh al-Masri) pada 1966. Keuzuran Haji Mohammad Salleh al-Masri tidak mengizinkan beliau untuk meneruskan tugas sebagai tenaga pengajar. Namun, kedudukan beliau sebagai penasihat madrasah kekal sehinggalah beliau meninggal dunia pada 11 Jun 1971, ketika menunaikan ibadat haji di Mekah.

Madrasah al-Khairiah al-Islamiah

Madrasah al-Khairiah al-Islamiah yang didirikan di Pokok Sena, Kepala Batas, adalah sebuah institusi pendidikan Islam yang tidak kurang pentingnya dalam sejarah pembangunan masyarakat Melayu, khususnya di bahagian Seberang Perai Utara. Madrasah ini diasaskan pada 1933 oleh seorang ulama kelahiran Kedah yang sangat terkenal, Tuan Haji Hussein bin Haji Muhammad Nasir.



Foto 9 Syeikh Hussein Kedah al-Banjari (1863–1935)

Sumber: Arkib Negara Malaysia

Haji Hussein bin Haji Muhammad Nasir dilahirkan pada 1862 di Titi Gajah, Alor Setar, Kedah. Nama timangannya ketika kecil ialah Cik Megat kerana bapanya, Haji Muhammad Nasir merupakan orang kebanyakan, manakala ibunya Tengku Fatimah Tengku Mahmud merupakan kerabat diraja Kubang Pasu. Namun, beliau lebih dikenali dengan nama Tuan Hussein atau Syeikh Hussein Kedah al-Banjari. Beliau berketurunan Banjar dan merupakan generasi seorang tokoh ulama Melayu terkenal, Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari (1710–1810).

Datuk beliau, Haji Muhammad Taib bin Haji Mas'ud, juga seorang ulama yang pernah menjawat jawatan Mufti negeri Kedah semasa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah. Beliau juga merupakan ulama terkenal di Kedah kerana telah mengasaskan pondok di Titi Gajah sejak 1870-an lagi. Haji Hussein telah dibesarkan dan diasuh oleh datuknya dalam lingkungan keagamaan yang kuat. Pada penghujung usia belasan tahun, Haji Hussein dikatakan telah dapat menguasai ilmu agama dengan baik, dan menjelang tahun 1881, ketika berusia 19 tahun, beliau telah berjaya melanjutkan pengajian pondok di Pattani

yang menjadi pusat kecemerlangan pondok ketika itu. Di Pattani, beliau pernah berguru dengan Tuan Samila yang pernah menjadi guru kepada datuknya. Haji Hussein juga pernah belajar di pondok-pondok yang terdapat di Kelantan, Terengganu, Perak dan Bohor. Beliau terkenal sebagai ulama yang suka berhijrah dari satu tempat ke satu tempat yang lain kerana ingin menyebarkan ilmu kepada masyarakat Melayu Islam di seluruh negara. Beliau pernah menetap di Kelantan, Terengganu, Johor, Melaka dan Pulau Pinang. Haji Hussein juga pernah mengembara ke Medan dan Aceh selama beberapa bulan untuk berguru dengan ulama-ulama terkenal di sana. Malah, beliau juga berkesempatan melanjutkan pengajian di Masjid al-Haram pada 1892 dan kembali menetap di Titi Gajah pada 1896 (Fadhullah, 2008: 118–121).

Sepanjang empat tahun menuntut di Mekah, Haji Hussein telah berguru dengan ulama-ulama terkenal seperti Syeikh Hasbullah, Syeikh Nawawi Bentan, Syeikh Ahmad Lingga, Syeikh Umar Sumbawa, Syeikh Muhammad Khafat dan Syeikh Umar Bali. Beliau juga menemui ramai sahabat yang berkongsi citra dakwah yang sama, iaitu Tok Kenali dari Kelantan, Haji Wan Sulaiman Sidek dan Haji Yaakub Sik dari Kedah. Hubungan berbentuk jaringan antara alim ulama seumpama inilah yang cuba dibuktikan melalui kajian yang diusahakan oleh pengkaji-pengkaji sejarah mutakhir dalam menonjolkan peranan golongan ini dengan perkembangan sejarah tertentu terhadap perkembangan ilmu agama, penterjemahan kitab Arab ke Jawi, penerbitan kitab kuning, amalan tarekat dan pengurusan haji (Azyumardi Azra, 1994).

Sekembali dari Mekah pada 1896, Haji Hussein kembali ke Titi Gajah dan menyambung kegiatannya mengajar dan menulis kitab agama. Pada masa yang sama juga beliau diminta oleh penduduk kampung bersebelahan, iaitu Alor Ganu untuk mengajar selama lebih kurang tiga tahun. Beliau banyak berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain untuk mengajar agama dan mengasaskan pondok pengajian. Pada 1900, beliau berpindah ke Bohor dan mengasaskan dua jenis pondok pengajian, iaitu pondok untuk mereka yang bujang yang berumur antara 15 sehingga 60 tahun dan pondok untuk pasangan yang telah berkahwin. Jasa Haji Hussein mendidik masyarakat Bohor selama hampir 12 tahun menerusi pengajian pondok ini telah menyebabkan beliau juga dikenali ramai sebagai Tuan Hussein Bohor.

Pada 1912, beliau berpindah ke Bagan Ulu, Pantai Merdeka. Setelah tujuh tahun mengajar di sana, beliau berpindah pula ke Sungai Limau pada 1920. Kemudian pada 1924, beliau berpindah ke Batu 16, Padang Lumat. Sehingga pada 1930, beliau bersama anaknya Haji Ahmad berpindah ke Pokok Sena, Seberang Perai. Meskipun perpindahan terakhir ini berpunca daripada perselisihan faham dengan Haji Wan Sulaiman selaku Syeikhul Islam atau Mufti negeri Kedah ketika

itu, perpindahan ini akhirnya membawa kepada penubuhan Pondok Pokok Sena atau Madrasah al-Khairiah al-Islamiah pada 1933 (Kenangan Cenderamata 50 Tahun Madrasah al-Khairiah al-Islamiah, 1983: 21).



Foto 10 Madrasah al-Khairiah al-Islamiah, Pokok Sena, Kepala Batas

Sumber: Kenangan Cenderamata 50 Tahun Madrasah al-Khairiah al-Islamiah (1983)

Madrasah al-Khairiah al-Islamiah didirikan di atas sebidang tanah seluas satu ekar, milik Haji Hussein sendiri. Tanah ini diwakafkan bagi menampung kemudahan penginapan pelajar yang datang dari seluruh pelosok tanah air. Kesungguhan beliau mencari harta untuk diwakafkan bagi tujuan pendidikan anak bangsa sangat ketara. Malah, Haji Hussein pernah menyarankan usaha bercucuk tanam dan perniagaan kepada para pelajarnya. Beliau sendiri memiliki beratus-ratus relung tanah sawah, getah dan kelapa yang sebahagiannya telah diwakafkan sebagai tapak Pondok Pokok Sena dan tanah perkuburan untuk masyarakat Islam setempat. Sebagai ulama, beliau dilihat bersikap praktikal dan berusaha mengimbangi keperluan memenuhi tuntutan dunia dan akhirat.

Selain mengendalikan pondok, Haji Hussein juga terkenal sebagai penulis kitab agama yang berwibawa di Nusantara. Sepanjang hayatnya, beliau telah berjaya menghasilkan 18 karya yang meliputi bidang fiqah, tauhid, hadis dan tasawuf. Antara kitab yang terkenal ialah *al-Nur al-Mustafid fi Aqaid Ahi al-Tauhid* (1887), *Tamrin al-Sibyan* (1809), *Hikayat al-Sibyan* (1911), *Hikayat al-Mutafakkirin* (1918), *Kasr al-Iksir* (1920), *Tadzkir Qabail al-Qadhi* (1923), *Hikayat al-Talibin* (1924) dan *Tadrih al-Sibyan* (1926).

Kepakaran Haji Hussein dalam bidang fiqah, tauhid dan tasawuf yang begitu meluas telah menarik perhatian pihak istana negeri Kedah. Tokoh ini pernah ditawarkan jawatan mufti setelah kepulangannya dari Mekah sekitar 1900. Selang

beberapa tahun kemudian, beliau ditawarkan pula jawatan Syeikhul Islam yang merupakan jawatan tertinggi dalam pentadbiran agama di negeri Kedah. Namun, kedua-dua tawaran ini ditolak kerana beliau lebih selesa bergerak secara bebas dalam berdakwah. Ketokohan beliau terserlah apabila beliau pernah mendapat undangan mengajar secara terbuka di Istana Bukit Chandan, Kuala Kangsar dan juga masjid-masjid sekitar Teluk Intan dan Parit di negeri Perak.

Aktiviti pendakwaan beliau yang bergerak dari satu tempat ke satu tempat, malah merentasi Indonesia dan Pattani sebelum ini, menyebabkan ramai yang berminat untuk datang belajar di pondok tersebut. Pondok Pokok Sena telah menerima jumlah pelajar yang ramai sejak ia mula dibuka. Antara pelajar beliau yang terkenal ialah Lebai Zakaria dari Pahang, Lebai Sulung dari Sungai Bangkalis, Che Nik dan Wan Din dari Pattani, Che Ismail Hamzah (bekas Mufti Perak) dan anaknya sendiri, Haji Ahmad. Walau bagaimanapun, perkembangan pesat yang dicapai oleh pondok ini mula ketara semasa pondok ini berada di bawah pimpinan anak Haji Hussein, iaitu Haji Ahmad yang mengambil alih pentadbiran pondok ini setelah Haji Hussein meninggal dunia pada 1935. Haji Ahmad juga terkenal sebagai ulama yang prolifik dalam penulisan serta dakwah, dan sebagai pengembang agama Islam di Malaysia (Fadhlullah, 1996: 82).

Matlamat penubuhan madrasah ini ialah menjadi sebuah pusat pendidikan Islam di tanah air bagi mendidik anak watan serta dapat menanam semangat cintakan agama, bangsa dan tanah air. Sejak penubuhannya sehingga kini, madrasah ini diletakkan di bawah sebuah badan yang dikenali sebagai Lembaga Pentadbiran dan Guru. Fungsi utama lembaga ini ialah menentukan arah pentadbiran dan perjalanan madrasah. Tenaga pengajar madrasah ini dipilih daripada mereka yang menerima pendidikan dari pusat-pusat pengajian tinggi di Timur Tengah, khususnya dari Arab Saudi dan Mesir (Kenangan Cenderamata 50 Tahun Madrasah al-Khairiah al-Islamiah, 1983: 15).

Sekitar 1950-an, madrasah ini mula menawarkan dua peringkat pengajian, iaitu peringkat persediaan (*ikdadi*) dan peringkat menengah (*thanawi*). Sambutan daripada masyarakat Islam pada umumnya sangat baik, terutamanya masyarakat setempat yang ingin mengekalkan sistem pengajian pondok tradisional bagi memenuhi keperluan pengajian orang dewasa dan golongan tua. Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa kelahiran dan kelangsungan madrasah ini didukung oleh kesedaran masyarakat setempat yang sentiasa menyumbang derma dan wakaf, selain bantuan dan sokongan daripada kerajaan.

Gerakan penegasan ilmu agama dalam tradisi pendidikan masyarakat Melayu terus berkembang dengan rentak dalamannya yang tersendiri. Sistem pondok ini turut berubah dan cuba digandingkan dengan sistem pendidikan yang baharu. Bagi membolehkan pelajar lepasan pondok ini mendapat tempat di

institusi-institusi pengajian di Timur Tengah seperti Mesir, Arab Saudi, Yaman, Jordan dan Indonesia, pihak pentadbir pondok telah mula bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran pada 1960-an bagi pengurusan madrasah tersebut. Walau bagaimanapun, hasil desakan dan permintaan penduduk setempat, sebahagian kawasan madrasah ini masih dikekalkan sehingga ke hari ini sebagai pondok yang meneruskan pengajian dalam bentuk tradisional.

Madrasah al-Mashoor

Asas penubuhan Madrasah al-Mashoor bermula daripada Madrasatul al-Quran yang dibina di Lebuah Acheh (Masjid Melayu) pada 1916. Matlamat penubuhannya ialah memenuhi tuntutan pendidikan agama masyarakat setempat dengan menawarkan pengajaran al-Quran dan fardu ain sebagai mata pelajaran asasnya. Madrasah ini dipimpin oleh guru pertamanya, Syed Abdul Rahman Sheikh Alhabshee, yang juga merupakan seorang daripada pengasas madrasah tersebut.

Pada 1917, Syed Syeikh al-Hadi yang merupakan seorang tokoh pemikir, pendidik dan reformis Islam yang sangat terkenal kerana idea-idea pembaharuannya telah dilantik sebagai pengetua madrasah tersebut. Syed Syeikh al-Hadi yang tidak berpuas hati dengan pendidikan Islam tradisional yang menurutnya terlalu konservatif dan terhad, cuba mempengaruhi madrasah ini untuk mengajar agama Islam secara “moden”. Beliau menggalakkan pelajar keluar daripada kaedah “menadah kitab” dan menghafaz, sebaliknya cuba memodenkan pemikiran anak Melayu untuk berani menyoal dan tidak hanya menerima tafsiran dan pendapat guru semata-mata. Beliau juga tidak berpuas hati dengan peluang pendidikan dan pekerjaan yang diterima oleh anak Melayu semasa zaman penjajahan British yang menjadikan kurikulum bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran di madrasah tersebut (Isahak, 2003: 229). Dalam tempoh dua tahun perkhidmatannya sebagai pengetua madrasah tersebut (1917–1919), Syed Syeikh al-Hadi telah banyak membawa pembaharuan pemikiran kepada pendidikan masyarakat Melayu di Pulau Pinang. Sistem pengajian madrasah yang dipelopornya telah memberi kesan yang tidak sedikit kepada sistem pengajian pondok yang telah bertapak di negeri-negeri Melayu. Sistem madrasah yang diperkenalkan ini juga telah memberi saingan kepada sistem pendidikan sekular yang ditaja oleh penjajah British (Talib, 1992: 144).

Syed Syeikh al-Hadi atau nama penuhnya Syed Syeikh bin Ahmad bin Hasan bin Saqaf al-Hadi dilahirkan di Penyengat pada 1867. Beliau berketurunan Melayu-Arab (Talib, 1992: 1). Bapanya, Syeikh Ahmad bin Hassan al-Hadi mempunyai pertalian darah dengan keluarga Raja Ali Haji dan Yang di-Pertuan Besar Riau. Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Melayu Settlements di Melaka dan kemudian di sekolah pondok di Kuala Terengganu. Namun, kesedaran bahawa

sistem pendidikan pondok yang dirasakan tidak menggalakkan pelajar berfikir mendorong beliau pulang semula ke Penyengat untuk mendalami ilmu bahasa Arab, agama dan sastera. Di Penyengat, beliau berpeluang mengukuhkan ilmu pengetahuan dalam bidang agama dan budaya di kelab Rasyidiyyah, sebuah kelab yang menghimpunkan tokoh-tokoh agama, karyawan dan bangsawan Riau. Selain itu, beliau juga berpeluang berdiskusi dengan tokoh-tokoh agama di pusat kebajikan yang dikenali sebagai Rumah Wakaf. Syed Syeikh al-Hadi juga akhirnya berpeluang melawat dan melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah seperti Mesir dan Mekah.



Foto 11 Syed Syeikh al-Hadi

Sumber: Talib (1992: 10)

Semasa menuntut di Kaherah, Syed Syeikh al-Hadi banyak dipengaruhi pemikiran tokoh-tokoh seperti Syeikh Muhammad Abduh, Syeikh Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Ahmad al-Fatani. Selain terlibat dalam bidang pendidikan, beliau juga aktif dalam gerakan pembaharuan, penulisan dan penerbitan. Syed Syeikh al-Hadi merupakan tokoh pemikir Melayu yang bertanggungjawab menerbitkan majalah *al-Imam* di Singapura pada 1906, *al-Ikhwan* di Pulau Pinang pada 1908 dan akhbar *Saudara* pada 1928 (Sohaimi, 2003: 2–3).

Berbeza dengan pemikir dan pengasas pendidikan Islam sebelum ini seperti Haji Mohammad Salleh al-Masri dan Haji Hussein, Syed Syeikh al-Hadi sebaliknya turut terlibat secara aktif dalam bidang sastera, perusahaan, penulisan kreatif dan perniagaan. Oleh hal yang demikian, pengaruh Syed Syeikh al-Hadi tidak hanya kelihatan dalam bidang pendidikan Islam, tetapi juga dalam bidang sastera, penerbitan akhbar dan percetakan di Pulau Pinang.

Sebagai seorang tokoh pembaharuan agama, Syed Syeikh al-Hadi mula mengasaskan sebuah madrasah pada 1907 di Singapura. Madrasah yang bertempat di Seligie Road, Singapura ini diberi nama al-Iqbal. Namun, madrasah ini tidak mendapat sambutan yang baik. Oleh yang demikian, Syed Syeikh al-Hadi mengalihkan usahanya ke Melaka dengan membina Madrasah al-Hadi di bandar Kaba, pada 1915. Madrasah ini, walau bagaimanapun, hanya dapat bertahan selama dua tahun kerana konsep dan kurikulumnya yang dianggap sebagai moden dan radikal. Beliau akhirnya berpindah ke Pulau Pinang dan melibatkan diri secara aktif dalam penubuhan Madrasah al-Mashoor di Tek Soon Street pada 1917.

Premis pertama madrasah ini ialah di Kampung Tuan Guru, sebuah perkampungan orang Islam keturunan Arab-Aceh di dalam kawasan yang bersempadankan Lebuh Armenia, Lebuh Cannon, dan Lebuh Acheh (seperti yang dikenali sekarang). Kampung Tuan Guru atau nama asalnya Kampung Che Long, mengambil nama sempena seorang tokoh agama dan ulama yang berasal dari Madura, Indonesia, Abdul Ghani Abdul Rashid. Beliau meninggal dunia pada sekitar 1880. Beliau juga merupakan pemegang amanah harta wakaf Tengku Sayyid Hussain Aidid, pengasas Masjid Melayu di Lebuh Acheh.

Selepas Abdul Ghani, beberapa ulama turut mengajar di perkampungan itu, termasuk Haji Abdullah Buyong, Sheikh Tahir Jalaluddin Alfalaki (ayahanda Allahyarham Tun Hamdan Sheikh Tahir, bekas Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang), dan Syed Abdul Hamid Alhabshee. Tokoh lain yang terlibat dalam pengasasan madrasah tersebut ialah Syed Mohdar Aidid (bapa Tan Sri Syed Hassan Aidid), Syed Omar al-Mahdzar, Syed Omar Alsagoff, Sheikh Hassan al-Baghdadi, Sheikh Ali Bawazir, Sheikh Zakaria Basheer dan Sheikh Muhammad Alhasawi.

Pendukung lain yang terlibat secara langsung dengan penubuhan awal Madrasah al-Quran ini, sama ada sebagai pengasas atau tenaga pengajarnya ialah Syed Abdul Rahman al-Habshi (berasal dari Surabaya dan siswazah Universiti al-Azhar) dan Sheikh Yusof Mohammad Mansouri (Omar Farouk, 2003: 10).

Setelah dua tahun pembukaannya, bilangan pelajar madrasah tersebut semakin bertambah dan menyebabkan ruang yang lebih luas diperlukan. Kampung Jawa dipilih untuk menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat. Selepas berpindah, nama madrasah ini ditukar kepada Madrasah al-Mashoor al-Islamiah bersempena nama seorang penghulu yang terkenal pada masa itu, Habib al-Mashoor.



Foto 12 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj melawat Madrasah al-Mashoor, 1957

Sumber: Muzium Negeri Pulau Pinang

Pada awal abad ke-20, masyarakat Melayu Pulau Pinang rata-ratanya telah terdedah dengan idea-idea pembaharuan Kaum Muda yang giat memperjuangkan gagasan Islah moden di Tanah Melayu. Malah, Pulau Pinang merupakan antara pusat awal kemunculan pemikiran Islam progresif (Mohd. Sarim, 1985: 134). Hal ini, secara tidak langsung, telah menyebabkan pendidikan corak madrasah menjadi sangat diminati. Pihak pengurusan madrasah telah mula menambah bilangan mata pelajaran yang dianggap sangat diperlukan oleh pelajar ketika itu seperti bahasa Arab, bahasa Inggeris dan Ulum al-Syariah. Sukatan pelajaran yang lebih berdaya maju ini diperkenalkan oleh beberapa penggiat berpendidikan agama generasi baharu yang terdedah kepada gerakan Islah di Mesir, India dan di Indonesia. Antaranya, Syed Syeikh al-Hadi yang dipilih menjadi guru besar atau pengetua yang pertama mentadbir madrasah ini. Beliau juga merupakan guru bagi mata pelajaran Ulum al-Syariah. Turut membantu beliau mengendalikan mata pelajaran keagamaan dan bahasa Arab ialah al-Syeikh Mohd. Radzi, al-Syed Ahmad Dahlan, Abdul Rahman Firdaus, Syed Ali al-Zahir dan Ustaz Yusuf Zawawi.

Madrasah al-Mashoor al-Islamiah menjadi pilihan utama ibu bapa dan penduduk Islam setempat untuk menghantar anak-anak mereka menimba ilmu. Oleh sebab jumlah pelajar semakin bertambah setiap tahun, sekali lagi madrasah ini memerlukan tempat yang lebih luas daripada yang sedia ada. Haji Bachik, seorang hartawan Melayu yang berasal dari Melaka, sangat menyokong perpindahan madrasah ini. Pada 1920, beliau menghadiahkan sebuah tapak sekolah dan rumah

di Tek Soon Street (dahulunya Jalan Pokok Ru), selain membiayai perbelanjaan yang berkaitan dengan pengurusan sekolah tersebut. Selain Haji Bachik, terdapat juga tokoh lain yang memberi sumbangan kewangan seperti Mydin Syah (saudagar pembahagi air batu) dan Haji Karwa (Talib, 2007: 141).

Pada ketika itu, sekolah tersebut telah berkembang dengan begitu pesat dan yuran sebanyak \$2.00 dikenakan kepada setiap murid. Mata pelajaran yang ditambah ialah Ulum al-Syariah dan bahasa Inggeris. Syed Syeikh al-Hadi kemudiannya digantikan oleh Shaikh Abdullah al-Maghribi, seorang ulama yang pernah mengajar dan menjadi imam di Masjidil Haram Mekah. Antara guru yang mengajar pada masa pentadbirannya ialah Shaikh Tahir Jalaluddin, Shaikh Ahmad al-Hadi dan al-Allamah al-Hafiz Ghulam Sarwar. Oleh hal yang demikian, boleh dikatakan bahawa perkembangan pesat yang dialami oleh madrasah ini turut berkait rapat dengan hubungan baik dan kerjasama yang lama terjalin antara tokoh-tokoh pendidik Pulau Pinang dengan guru-guru atau alim ulama yang mendapat pendidikan di Timur Tengah.

Bermula dari Madrasah al-Mashoor sebagai nadi bagi penggiat sosial dan pendakwah seperti Syed Syeikh al-Hadi dan Syaikh Tahir Jalaluddin, lahirlah bekas-bekas pelajar seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy, Musa Ahmad dan Syaikh Abu Bakar al-Assy'ari yang telah memainkan peranan yang penting dalam sejarah politik negara. Syaikh Abu Bakar al-Assy'ari misalnya, telah memainkan peranan penting dengan menjadikan Perlis sebagai satu-satunya negeri di Malaysia yang secara rasmi menyatakan pendirian bahawa pentadbiran agama Islamnya tidak terikat dengan Mazhab Syafi'i seperti negeri-negeri lain di Malaysia.




Foto 13 Kumpulan pelajar perempuan di Madrasah al-Mashoor, 1950-an

Sumber: Muzium Negeri Pulau Pinang

Satu lagi perkembangan penting dalam perjalanan Sekolah al-Mashoor ialah pemisahan pelajar-pelajar perempuan (Bahagian Puteri) daripada sekolah induknya pada 1934. Bahagian Puteri diperkenalkan pada tahun tersebut, namun disebabkan Madrasah al-Mashoor yang bertempat di Tek Soon Street tidak lagi dapat menampung bilangan pelajar yang semakin meningkat, bahagian pengurusan dan pengajaran pelajar perempuan akhirnya terpaksa diasingkan dan dipindahkan ke Jalan Macalister dan kemudiannya ke Jalan Lunas pada 1936. Perpindahan pelajar perempuan dilakukan secara berperingkat-peringkat bermula dari 1934 sehinggalah 1936. Daripada segi pentadbiran, persekolahan secara terasing antara pelajar perempuan dengan pelajar lelaki hanya bermula pada 1936. Walaupun telah diasingkan daripada sekolah lelaki, Bahagian Puteri ini masih mengekalkan nama yang sama, iaitu Sekolah al-Mashoor.

Apabila Perang Dunia Kedua meletus pada 1941, Madrasah al-Mashoor al-Islamiah Lelaki dan Madrasah al-Mashoor Perempuan ditutup oleh pihak Jepun. Penutupan ini berlanjutan selama tiga tahun lapan bulan. Namun pada 1945, madrasah ini dibuka semula selepas British mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu ekoran pengunduran Jepun. Kedua-dua madrasah ini kembali beroperasi dengan sokongan derma dan wakaf daripada penduduk tempatan serta bantuan daripada kerajaan.

Kesimpulan

Sistem pendidikan Islam bukanlah yang terawal muncul di Pulau Pinang, namun institusi pendidikan Islam ini cepat berkembang di negeri itu. Hal ini berkait rapat dengan faktor persekitaran dan tanpa sultan sebagai penaung agama, pengaruh-pengaruh dari luar, khususnya dari Timur Tengah turut menyerap masuk dengan mudah ke negeri itu. Pengaruh-pengaruh ini kelihatan dalam pendidikan Islam seperti pondok dan madrasah. Kesannya bukanlah kecil. Tokoh-tokoh yang terlibat dalam institusi pendidikan awal Islam ini berusaha mengekalkan dan memajukan aliran pendidikan yang mereka perkenalkan, malah dalam kes-kes tertentu seperti Madrasah al-Mashoor, membuka laluan kepada pembaharuan dalam Islam ekoran pengaruh dari Timur Tengah. Agak menarik, selain meningkatkan keupayaan literasi masyarakat, institusi-institusi awal pendidikan Islam dan tradisional dilihat turut berperanan dalam mencetuskan perkembangan dalam aspek sejarah yang lainnya di negeri itu, seperti percetakan, permulaan sastera Melayu moden dan gerakan intelektual yang dibincangkan dalam bab berikutnya.


Nota

1. Madrasah itu dinamakan al-Masriyah sempena negeri Mesir yang menjadi tempat pengajian Tuan Haji Mohammad Salleh al-Masri.
2. Puan Muna Ahmad Fuad ialah cucu al-Masri dan merangkap Pengetua Sekolah al-Masriyah.

Rujukan

- Ahmad Hassan Salahudin, temu bual, 6 Jun 1990.
- Aminah Ayob. (2005). Pendidikan: Masalah pelajar Melayu Pulau Pinang. Dalam Noriah Mohamed (Ed.), *Himpunan Kertas Kerja Kolokium Kebangsaan Melayu Pulau Pinang* (hlm. 93–110). Pulau Pinang: Projek Penyelidikan Budaya Utara, Dewan Budaya Universiti Sains Malaysia.
- Azyumardi Azra. (1994). *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad 18*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Buku Cenderamata Majlis Ijtimak al-Madrasah al-Masriyah. (1973). Bukit Mertajam: Madrasah al-Masriyah.
- Fadhlullah Jamil. (1996). Tuan Haji Abdullah Fahim: Riwayat hidup dan sumbangan terhadap masyarakat. Dalam *Sejarah Islam Pulau Pinang: Tokoh dan Sumbangan, 2* (hlm. 80–93). Pulau Pinang: Jabatan Agama Islam Pulau Pinang.
- Fadhlullah Jamil. (2008). Tokoh-tokoh agama yang menulis di Pulau Pinang. Dalam Sohaimi Abdul Aziz (Ed.), *Cakerawala Penulisan Sejarah dan Intelektualisme, Sumbangan Penulis-Penulis di Pulau Pinang* (hlm. 118–121). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Haron Din dan Sobri Salamon. (1988). *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: al-Rahmaniah.
- Isahak Haron. (2003). Pandangan orang Melayu dan reform dalam pendidikan. [The genius of Malay civilisation]. Dalam Asmah Haji Omar (Ed.), *Tanjong Malim: Institute of Malay Civilisation* (hlm. 215–255). Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Jubli Intan al-Masriyah 1906–1981. (1982). Bukit Mertajam: Madrasah al-Masriyah al-Thanauiyah dan Institut Masriyah.
- Kenangan Cenderamata 50 Tahun Madrasah al-Khairiah al-Islamiah. (1983). Pulau Pinang: Sinaran Bros. Sdn. Bhd.
- Mahani Musa. (1996). Pentadbiran agama Islam dan guru-guru agama di Pulau Pinang pada pertengahan abad ke-19. Dalam *Sejarah Islam Pulau Pinang: Tokoh dan Sumbangan, 2* (hlm. 1–19). Pulau Pinang: Jabatan Agama Islam Pulau Pinang.
- Mahani Musa. (2005). Pulau Pinang Sebelum 1786. Dalam Noriah Mohamed (Ed.), *Melayu Pulau Pinang* (hlm. 9–28). Pulau Pinang: Projek Penyelidikan Budaya Utara, Universiti Sains Malaysia.
- Mahani Musa. (2008). Sejarah awal: Pulau Pinang sebelum 1786. Dalam Muhammad Haji Salleh (Ed.), *Sejarah Awal Pulau Pinang* (hlm. 19–39). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Matheson, V. dan Hooker, M.B. (1988). Jawi literature in Patani: The maintenance of an Islamic tradition. *JMBRAS*, 61(1), 254, 1–86.

- Mohd. Farid Mohd. Sharif dan Jasni Sulong. (2012). Transformasi institusi pondok: Tradisi dan modenisasi. Dalam Ooi Keat Gin (Ed.), *Warisan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia* (hlm. 173–188). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohd. Sarim Mustajab. (1985). Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu: 1906–1948. *Ashshahid, Jurnal Belia Islam*, 1(2).
- Mujeini Amat. (1982). Sejarah awal persekolahan Melayu Pulau Pinang. Dalam Khoo Kay Kim (Ed.), *Malaysia dari Segi Sejarah* (hlm. 39–49). Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia.
- Omar Farouk Bajunid. (2003). The Arab clan network in ASEAN: Some preliminary observations. Kertas kerja yang dibentangkan di persidangan Shared History Conference, Penang Heritage Trust, Pulau Pinang, 30 Julai–3 Ogos.
- Omar Farouk Shaeik Ahmad. (1978). The Arabs in Penang. *Malaysia in History*, 21(2), 1–16.
- Othman Bakar. (1979). Haji Saleh Masri: Pengasas al-Masriyah. Dalam *Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Saudara* (1929–1931).
- Siti Kalsom Wan Teh, temu bual, Batu Uban, 22 Mac 2012.
- Sohaimi Abdul Aziz. (Ed.). (2003). *Syed Syeikh al-Hadi Cendekia dan Sasterawan Ulung*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Straits Settlement Annual Report on Education for 1874.
- Syed Muhammad Dawilah al-Edrus. (2005). Pendidikan awal Melayu Pulau Pinang: Wacana ketamadunan dan jati diri. Dalam Noriah Mohamed (Ed.), *Prosiding Melayu Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Projek Penyelidikan Budaya Utara.
- Talib Samat. (1992). *Syed Syeikh al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Talib Samat. (2007). Madrasah al-Mashoor al-Islamiah. Dalam Sohaimi Abdul Aziz (Ed.), *Dari Tanjung Penaga ke Georgetown* (hlm. 139–152). Pulau Pinang: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan Persatuan Karyawan Pulau Pinang.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. (2000). *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejangat Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fhataniyah.
- Zawawi Ahmad. (1984). *Pendidikan Islam: Kaedah dan Teknik Pengajaran*. Petaling Jaya: International Book Service.
- Zulkifli dan Badrol Hisham. (1994). Sejarah awal masyarakat Islam di Pulau Pinang dan Masjid Jamik Batu Uban. *Jurnal Sejarah Islam di Pulau Pinang*, 1 (hlm. 1–24). Pulau Pinang: Jabatan Agama Islam Pulau Pinang.



MASYARAKAT MELAYU PULAU PINANG DALAM RUBIK SEJARAH ARKIB

DS595
M2M425
2016

Editor

MUHAMMAD HAJI SALLEH
MAHANI MUSA